Pendakwa Raya lwn Hamidon bin Ahmad Mokri

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–28 TAHUN 2004
SU GEOK YIAM H
23 NOVEMBER 2009

Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Pemanggilan saksi — Kegagalan memanggil saksi pendakwaan — Sama ada sebab munasabah diberikan atas kegagalan menyerahkan sapina

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya — s 2 — Pengedaran dadah berbahaya — Kanabis seberat 8079g — Sama ada dibuktikan bahawa tertuduh mempunyai kustodi, jagaan dan kawalan

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya — s 39B(1)(a) — Pengedaran dadah berbahaya — Kanabis seberat 8079g — Sama ada pengedaran dibuktikan — Sama ada rantaian keterangan dibuktikan

SP4, SP5 dan sepasukan anggota polis bersama dengan Cif Inspektor Sekaran ('C/I Sekaran') telah memberkas tertuduh di hadapan sebuah rumah kerana disyaki mengedar dadah berbahaya. Kemudiannya C/I Sekaran telah membawa tertuduh masuk ke dalam rumah tersebut di mana ketulan-ketulan ganja telah dijumpai di dalam sebuah kotak dan beg di dalam sebuah bilik yang ditunjukkan oleh tertuduh. Tidak ada barang-barang peribadi tertuduh dijumpai di dalam bilik itu. C/I Sekaran telah membuat pemeriksaan di satu bilik yang lain dan telah menjumpai satu 'tenancy agreement' bersama-sama dokumen-dokumen yang lain di atas nama tertuduh iaitu *pay-in-slip* dan *bank-in-slip*. Menurut keterangan pegawai penyiasat, SP6, C/I Sekaran telah menyerahkan tertuduh serta barang-barang rampasan kepada beliau. SP6 telah menghantar barang-barang kes ke makmal forensik untuk pengesanan cap jari dan di sana beliau telah menyerahkan barang-barang kes kepada Inspektor Syed Faizul Shah ('Insp Syed Faisul'). Selepas itu beliau telah menghantar barang-barang kes itu ke makmal Jabatan Kimia untuk dianalisa. Beliau tidak membuat sebarang penandaan sebelum barang-barang kes diserahkan kepada ahli kimia. Tertuduh telah dituduh dengan kesalahan pengedaran dadah berbahaya kanabis sejumlah berat 8079g di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Pihak pendakwaan telah memanggil seramai enam orang saksi. Daripada keterangan enam orang saksi tersebut hanya terdapat keterangan bahawa pada 8 Januari 2003 SP4 dan SP5 telah menyertai satu serang hendap yang diketuai oleh C/I Sekaran di

apartmen di Bukit Kuda Court. Timbalan pendakwa raya telah memberitahu mahkamah bahawa sapina tidak dapat diserahkan ke atas tiga orang saksi iaitu C/I Sekaran, Insp Syed Faizul dan Ong Eng Lee ('Ong') (pemilik rumah yang berkenaan).

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh tanpa memanggil tertuduh membela diri:

(1) Memandangkan bahawa pihak pendakwaan tidak memohon untuk penangguhan dengan memberikan sebab-sebab yang munasabah, maka berdasarkan kepada keterangan yang diberi oleh saksi-saksi mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah gagal menunjukkan satu kes prima facie terhadap tertuduh (lihat perenggan 36).

(2) Daripada keterangan enam orang saksi yang dipanggil oleh pihak pendakwaan adalah jelas bahawa terdapat putus dalam rantaian keterangan mengenai barang-barang kes rampasan kerana tidak ada penandaan yang dibuat oleh pegawai penyiasat. Ketua pasukan serbuan yang telah menahan tertuduh dan merampas barang-barang kes tidak dipanggil sebagai saksi untuk mengecam barang-barang kes tersebut. Ahli kimia tidak dipanggil dan laporan kimia tidak diserahkan kepada tertuduh 10 hari sebelum perbicaraan bermula sepertimana diperuntukkan dalam s 399 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'). Oleh itu tidak ada keterangan bahawa barang-barang kes itu ialah kanabis seberat 8079g sepertimana ditakrifkan di dalam s 2 ADB. Inspektor Syed Faizul tidak dipanggil dan laporan beliau juga tidak dikemukakan. Oleh itu tidak ada keterangan sama ada terdapat kesan cap jari tertuduh atau orang yang lain di atas barang-barang kes itu. Juga tidak dibuktikan bahawa tertuduh adalah penyewa rumah tersebut kerana tuan punya rumah tersebut Ong tidak dipanggil untuk memberi keterangan (lihat perenggan 60–62).

(3) Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa tertuduh ada kustodi, jagaan dan kawalan ke atas barang-barang kes yang dikatakan dadah berbahaya kanabis sejumlah berat 8079g sepertimana ditakrifkan dalam s 2 ADB (lihat perenggan 63).

(4) Dalam KPJ terdapat peruntukan-peruntukan yang mencukupi untuk pihak pendakwaan gunakan termasuk menyerahkan sapina kepada saksi-saksi yang hendak dipanggil untuk memastikan kehadiran mereka. Dalam kes ini ketiga-tiga saksi berkenaan ialah saksi polis. Tidak ada sebab yang munasabah yang dikemukakan kepada mahkamah mengapa mereka tidak boleh diserahkan dengan sapina (lihat perenggan 67–68).

(5) Dalam kes ini mahkamah memilih untuk melepaskan dan membebaskan tertuduh dan tidak memilih untuk melepaskan tanpa

membebaskan tertuduh kerana itu tidak adil kepada tertuduh memandangkan pihak pendakwaan boleh dan kebiasaannya akan menangkap semula tertuduh untuk dituduh semula (lihat perenggan 71).

[English summary

SP4, SP5 and a team of police party with Chief Inspector Sekaran ('C/I Sekaran') apprehended the accused in front of a house on a suspicion of trafficking dangerous drugs. Thereafter, C/I Sekaran brought the accused into the house where slabs of heroin were found in a box and a bag in a room shown by the accused. There were no personal belongings of the accused found in the room. C/I Sekaran inspected another room and found a tenancy agreement together with other documents under the name of the accused ie a pay-in-slip and a bank-in-slip. According to the investigation officer, SP6, C/I Sekaran had handed over the accused and the seized materials to him. SP6 delivered the case materials to Insp Syed Faizul Shah (Insp Syed Faisul). Subsequently he delivered the case materials to the Department of Chemistry lab for analysis. He did not put any markings before the case materials were handed to the chemist. The accused was charged with an offence of trafficking dangerous drugs, ie cannabis weighing 8079g under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). The prosecution called six witnesses. Out of the six witnesses' testimonies there was only one evidence showing that, on 8 January 2003 SP4 and SP5 joined an ambush led by C/I Sekaran at an apartment at Bukit Kuda Court. The deputy public prosecutor informed the court that subpoenas could not be served on three witnesses ie C/I Sekaran, Insp Syed Faizul Shah and Ong Eng Lee ('Ong') (the house owner).

Held, acquitting and discharging the accused without calling for defence:

(1) As the prosecution did not apply for the postponement with reasonable grounds attached, based on the testimony of the witnesses, the court was satisfied that the prosecution had failed to establish a prima facie case against the accused (see para 36).

(2) From the testimony of the six accused called by the prosecution, it was clear that there was a break in the chain of evidence pertaining to the seized case materials as there were no markings made by the investigating officer. The head of the ambush party who had arrested the accused and confiscated the case materials was not called as a witness to identify the case materials. The chemist was not called and the chemist report was not delivered to the accused ten days before the trial commenced as provided in s 399 of the Criminal Procedure Code ('CPC'). Therefore there was no evidence that the case materials were cannabis weighing 8079g as defined in s 2 of the DDA. Insp Syed Faizul was not called and his report was also not produced. Therefore

there was no evidence whether there was thumb print of the accused or any other person on the case materials. It was also not proved that the accused was the tenant of the house as the landlord, Ong, was not called to testify (see paras 60–62).

(3) The prosecution had failed to prove that the accused had the custody, care and control of the case materials alleged to be the dangerous drugs cannabis weighing 8079g as defined in s 2 of the DDA (see para 63).

(4) In the CPC, there are sufficient provisions for the prosecution to apply inclusive of one for the service of subpoena to the witnesses intended to be called to ensure their attendance. In this case, all three witnesses were police witnesses. No reasonable grounds were adduced in the court as to why they could not be served with subpoenas (see paras 67–68).

(5) In this case, the court chose to acquit and discharge the accused and did not choose to acquit without discharging the accused as it would not be fair to the accused as the prosecution could, and in usual practice, would rearrest the accused to be charged again (see para 71).]

Nota-nota

Untuk kes–kes mengenai pemanggilan saksi, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 4593–4604.
Untuk kes–kes mengenai s 2 Akta Dadah Berbahaya, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 2144–151.
Untuk kes–kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 320–446

Kes-kes yang dirujuk

PR lwn Tan Boon Hoe & seorang lagi No 45–151 Tahun 2005, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 39B(1)(a), (2)
Kanun Prosedur Jenayah ss 259, 399

Razali bin Che Ani (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Rusli Zain (Rusli Zain & Associates) bagi pihak tertuduh.

Su Geok Yiam H:

[1] Dalam kes ini tertuduh telah dituduh pada 22 Julai 2004 dengan suatu kesalahan pengedaran dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Pertuduhan, P2, terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

Bahawa kamu pada 8hb Januari 2003, jam lebih kurang 10.30 malam, di rumah No G-5, Bukit Kuda Court, Unit No 5, Tingkat Bawah, Jalan Landasan, di dalam daerah Klang, di dalam negeri Selangor Darul Ehsan, telah didapati memperedarkan dadah berbahaya sejumlah berat 8079 gram Cannabis dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[3] Pada 1 September 2009 mahkamah telah melepaskan dan membebaskan tertuduh tanpa memanggil tertuduh untuk membuat pembelaannya ('perintah tersebut').

[4] Pendakwa raya tidak berpuashati dengan perintah tersebut dan telah memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan pada 9 September 2009.

[5] Notis rayuan tersebut menyatakan seperti berikut:

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA

RAYUAN JENAYAH NO TAHUN 2009

DI ANTARA

PENDAKWA RAYA

PERAYU

DAN

HAMIDON BIN AHMAD MOKRI

RESPONDEN

(Dalam Perkara Perbicaraan Jenayah Bil: 45–28–2004

dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam

DI ANTARA

PENDAKWA RAYA

DAN

HAMIDON BIN AHMAD MOKRI

NOTIS RAYUAN

ADALAH DIBERI NOTIS bahawa Pendakwa Raya Malaysia, merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Yang Arif Hakim Datuk Su Geok Yiam yang diberikan di Shah Alam Selangor Darul Ehsan pada 1 September 2009 di mana Yang Arif Hakim telah melepaskan dan membebaskan Responden semasa kes pendakwaan berjalan bagi kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen (2) Akta yang sama.

Rayuan ini adalah terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Bertarikh pada 9 September 2009

t.t. (DATUK IDRUS
BIN HARUN)
Peguam Cara Negara
Malaysia

Salinan kepada:

1. Pendaftar
   Mahkamah Rayuan Malaysia
   Aras 2, Palace of Justice
   Presint 3
   Putrajaya.

Dan kepada:

2. Timbalan Pendaftar
   Mahkamah Tinggi Shah Alam (Bahagian Jenayah)
   Bangunan Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz
   Sayap Kiri, Persiaran Pegawai
   Seksyen 5
   40000 Shah Alam
   Selangor

Dan kepada:

3. Tetuan Rusli Zain & Associates
   Peguamcara & Peguambela
   Unit 3A-26, Tingkat 3A, Blok A3,
   Leisure Commerce Square,
   No 9, Jalan PJS 8/9
   46150 Petaling Jaya,
   Selangor Darul Ehsan

Alamat Penyampaian bagi Perayu ialah:
Pendakwa Raya
Kamar Peguam Negara
Aras 5, No. 45, Lot 4G7

A Presint 4

Persiaran Perdana

62502 Putrajaya.

B Tel. No: 03 - 88722000 & Faks No. 8890 5633.

[6] Berikut ini adalah sebab-sebab mengapa mahkamah telah membuat perintah tersebut.

C **[7]** Kes ini telah ditetapkan untuk perbicaraan penuh selama tiga hari iaitu pada 20 Oktober 2008–23 Oktober 2008. Walau bagaimanapun pada 20 Oktober 2008 apabila perbicaraan dijadualkan bermula Puan Siti Rafidah bt Zainuddin, timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana memberitahu mahkamah bahawa beliau hanya akan memanggil dua orang saksi formal D iaitu dua orang jurugambar polis. Sebab yang diberikan oleh beliau ialah kerana ahli kimia baru melanjutkan pelajaran beliau di luar negara dan hanya akan balik dalam tempoh setahun dan pada hari Khamis, 23 Oktober 2008, beliau ada satu kes separuh bicara di Mahkamah Sesyen Klang yang melibatkan seorang tertuduh yang berumur 70 tahun. Memandangkan E mahkamah juga ada satu kes separuh bicara iaitu PJS No 45–104 Tahun 2005 yang telah diberi keutamaan untuk disambung bicara pada 21 Oktober 2008–23 Oktober 2008 kes ini telah ditangguhkan ke 16–19 Mac 2009 untuk disambung bicara selepas dua orang saksi formal itu iaitu DSjn 94560 Mohd Yusof bin Harun, SP1 dan DKpl 123618 Aniff bin Jawawi, SP2 selesai F memberi keterangan.

[8] Tarikh itu telah kemudiannya ditukar ke 9–13 April 2009 kerana saya terpaksa menghadiri persidangan hakim-hakim pada 15 Mac 2009–18 Mac G 2009.

[9] Pada 9 April 2009, pihak pendakwaan telah memanggil dua lagi saksi iaitu penjaga stor, DKpl Haris Fadilah bin Baki, SP3 dan seorang anggota serbuan, Sjn Mokhtar bin Abd Ghani, SP4, dan juga memanggil semula SP3 H untuk pengecaman barang kes.

[10] Ketika SP4 memberi keterangan, TPR yang bijaksana telah memohon pengecaman seorang saksi direzabkan kerana saksi itu yang merupakan ketua pasukan serbuan, Cif Insp Sekaran, tidak dapat dihubungi sejak pagi hari itu. I Mahkamah telah mengeluarkan waran tangkap ke atas saksi ini setelah dimaklumkan oleh TPR yang bijaksana bahawa sapina ke atas saksi itu telah disampaikan secara semboyan dan saksi telah diberitahu bahawa beliau perlu hadir dan TPR yang bijaksana sendiri telah cuba menghubunginya tetapi gagal.

[11] Pada jam 4.10 petang TPR yang bijaksana telah memohon penangguhan kerana beliau tidak ada lagi saksi untuk dipanggil pada hari itu. Mahkamah membenarkan permohonan itu dan kes ditangguhkan ke hari yang berikutnya iaitu hari Jumaat, 10 April 2009 untuk disambung perbicaraan.

[12] Pada 10 April 2009, mahkamah diberitahu oleh TPR yang bijaksana bahawa sehari sebelum itu selepas kes ditangguhkan beliau diberitahu oleh pegawai penyiasat, Insp Azren bahawa dia telah dapat menghubungi Cif Insp Sekaran a/l N Raman dan diberitahu Cif Insp Sekaran bercuti belajar dan cuti itu akan tamat pada 12 April 2009. Mahkamah juga diberitahu oleh TPR yang bijaksana bahawa sapina tidak disampaikan kepada Cif Insp Sekaran melalui semboyan kerana beliau bercuti belajar. Mahkamah telah meminta penjelasan daripada TPR yang bijaksana mengenai percanggahan di antara apa yang diberitahu oleh beliau kepada mahkamah sehari sebelum itu dan pada hari itu kerana sehari sebelum itu TPR telah memberitahu mahkamah bahawa sapina telah disampaikan melalui semboyan ke atas Cif Insp Sekaran dan pagi itu TPR memberitahu mahkamah sapina tidak disampaikan melalui semboyan ke atas Cif Insp Sekaran.

[13] TPR menjelaskan bahawa semboyan dihantar tetapi tidak diterima oleh Cif Insp Sekaran kerana beliau bercuti belajar.

[14] Pada hari itu yang merupakan hari Jumaat TPR yang bijaksana telah memanggil seorang saksi lagi iaitu seorang lagi anggota serbuan, ASP Chia Aik Chin, SP5.

[15] Pada waktu petang hari itu perbicaraan kes tidak dapat diteruskan oleh mahkamah kerana Encik Rusli Zain, peguambela yang bijaksana, yang menghidap penyakit darah tinggi merasa sakit kepala dan berpeluh-peluh.

[16] Perbicaraan kes terpaksa ditangguhkan ke hari Isnin, 13 April 2009.

[17] Pada tarikh itu, mahkamah bertanyakan TPR yang bijaksana mengenai apakah prosedur berkenaan dengan permohonan sapina oleh TPR selepas permohonan dibuat dan sapina-sapina dikeluarkan oleh mahkamah. TPR yang bijaksana memberitahu mahkamah bahawa seorang budak suruhan pejabat TPR akan mengambil sapina-sapina dari mahkamah dan memberikan sapina-sapina itu kepada seorang kerani di pejabat TPR. Kerani akan menyerahkan kepada pegawai penyiasat ('IO') secara langsung ataupun wakil IO akan datang untuk mengambil sapina-sapina itu.

[18] Untuk mengetahui sama ada sapina telah diserahkan kepada saksi-saksi, beliau akan meminta kerani menyemak dengan IO sebelum

tarikh perbicaraan atau beliau akan menyemak sendiri dengan IO sebelum perbicaraan kes bermula. Walau bagaimanapun untuk kes ini, sebelum 9 April 2009, TPR tidak semak dengan kerani atau IO sama ada sapina telah diserahkan ke atas saksi-saksi untuk sambung bicara pada 9 April 2009. Beliau hanya meminta kerani beliau untuk menyampaikan pesan kepada IO beliau agar sapina diserahkan. IO yang bertanggungjawab untuk menyerahkan sapina-sapina dalam kes ini ialah IO ganti, Insp Azren. Walau bagaimanapun pada pagi itu beliau tidak nampak Insp Azren dan sapina untuk Insp Azren juga tidak disampaikan kepadanya pada hari itu.

[19] Memandangkan keadaan itu mahkamah telah mengarahkan Puan Mursyida, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi (Jenayah) 6 untuk mengeluarkan sapina kepada seorang anggota polis mahkamah, LKpl Siti Beram bt Jumin, yang telah menerima waran tangkap untuk Cif Insp Sekaran untuk memaklumkan kepada mahkamah sama ada waran tangkap telah dilaksana ke atas Cif Insp Sekaran atau belum.

[20] Selepas itu SP5 telah dipanggil untuk meneruskan dengan pemberian keterangannya. Apabila beliau telah selesai memberi keterangannya, mahkamah telah memanggil LKpl Siti Beram bt Jumin untuk memberi keterangan mengenai perlaksanaan waran tangkap yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Menurut keterangannya, beliau telah hampir lima tahun bertugas di mahkamah Shah Alam. Sebelum itu beliau bertugas di Pejabat Cawangan Pendakwaan D5 di ibu Pejabat Kontinjen Polis, Selangor. Daripada lima tahun itu, satu tahun ialah dalam unit yang ditugaskan melaksanakan notis rayuan. Unit ini adalah juga di bawah Pejabat Cawangan Pendakwaan D5 itu. Untuk melaksanakan tugas beliau, beliau akan berulang alik dari Pejabat Cawangan Pendakwaan D5 ke Mahkamah Shah Alam.

[21] Daripada keterangan beliau adalah jelas bahawa pada 9 April 2009 beliau telah menerima waran tangkap tersebut daripada Puan Mursyida, Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi (Jenayah) 6 Shah Alam di Pejabat Pendaftar, Mahkamah Tinggi Shah Alam untuk dilaksanakan ke atas Cif Insp Sekaran. Namun demikian beliau tidak melaksanakan waran tangkap ke atas Cif Insp Sekaran kerana adalah bukan tugas beliau untuk melaksanakan waran tangkap ke atas saksi-saksi yang telah diserahkan sapina dan bahawa penyelia beliau, Sjn Mejar Yahaya bin Shaarilah yang sebenarnya ditugaskan dan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan waran tangkap itu tetapi beliau tidak memberitahu Puan Mursyida perkara itu kerana tidak ditanya soalan itu oleh Puan Mursyida. Walau bagaimanapun beliau telah memaklumkan perkara itu kepada OC mahkamah, ASP Ismail dan diarahkan oleh ASP Ismail untuk membuat memo untuk dihantar ke tempat di mana Cif Insp Sekaran bertugas. Selepas itu beliau telah mendapatkan tandatangan ASP Ismail. Tetapi beliau tidak memposkan waran tangkap itu

bersama-sama memo itu ke pejabat Cif Insp Sekaran kerana terlupa untuk berbuat demikian dan waran tangkap itu masih berada dengannya.

[22] Pada pagi 13 April 2009 apabila diserahkan sapina oleh Puan Mursyida untuk memberi keterangan di mahkamah mengenai perlaksanaan waran tangkap itu dan beliau nampak Cif Insp Sekaran di mahkamah baru beliau teringat tentang waran tangkap itu. Beliau telah menjumpai ASP Ismail dan memberitahu dia bahawa Cif Insp Sekaran berada di atas dan pada masa yang sama beliau telah mengambil waran tangkap itu daripada ASP Ismail.

[23] Mahkamah telah memberitahu LKpl Siti Beram bt Jumin bahawa beliau telah membazirkan masa mahkamah dan mengganggu pentadbiran keadilan mahkamah kerana tidak memberitahu Puan Mursyida bahawa adalah bukan tugas beliau untuk melaksanakan waran tangkap dan bahawa pegawai yang sebenarnya yang ditugaskan untuk berbuat demikian ialah Sjn Mejar Yahaya bin Shaari. Mahkamah telah menasihatkan beliau supaya tidak mengulangi perkara yang sama di masa hadapan kerana masa mahkamah adalah amat terhad dan mahkamah mempunyai banyak kes yang perlu dibicarakan dan sekiranya saksi-saksi yang disapinakan tidak hadir memberi keterangan maka ia akan mengganggu pentadbiran keadilan oleh mahkamah.

[24] Selepas itu mahkamah telah memanggil Cif Insp Sekaran untuk memberi penjelasan mengapa beliau tidak hadir di mahkamah pada hari Khamis. Daripada penjelasan beliau adalah jelas bahawa sebelum tarikh itu beliau ada hadir di mahkamah untuk perbicaraan kes ini kerana beliau telah menerima sapina. Sapina itu telah disempurnakan penyampaiannya ke atasnya oleh pegawai polis dengan kaki sapina itu diberikan kepadanya untuk ditandatangani dan sebahagian lagi sapina itu diberikan kepadanya. Akan tetapi pada tarikh itu beliau tidak hadir kerana beliau tidak terima sapina untuk hadir pada tarikh itu.

[25] Beliau juga tidak terima semboyan supaya hadir di mahkamah untuk perbicaraan kes ini pada tarikh itu. Beliau tidak tahu kes itu dibicarakan pada tarikh itu. Beliau juga tidak tahu sapina telah dipohon untuk kehadiran beliau pada tarikh itu. Apabila ditanya soalan oleh mahkamah sama ada sebelum itu beliau pernah menerima sapina melalui semboyan, beliau telah menjelaskan kepada mahkamah bahawa sapina ialah sapina dan semboyan ialah semboyan dan bahawa sapina tidak boleh diserahkan melalui semboyan.

[26] Menurut keterangannya semboyan adalah satu proses untuk pihak polis menghantar memo. Pada kebiasaan bagi kes-kes bicara, semboyan akan dihantar untuk mengingati saksi polis mengenai kewajipan saksi polis untuk hadir di mahkamah pada tarikh yang ditetapkan untuk perbicaraan sesuatu

kes. Ada kalanya sapina diserahkan baru semboyan dihantar sebagai peringatan. Ada kalanya apabila pegawai penyiasat kesuntukan masa untuk menyampaikan sapina ke atas saksi-saksi polis semboyan akan dihantar untuk meminta saksi polis hadir dan apabila saksi polis hadir di mahkamah saksi berkenaan akan disampaikan sapina.

[27] Walau bagaimanapun sekiranya semboyan ditujukan kepada saksi polis di alamat yang lengkap ia akan sampai kepada saksi berkenaan misalnya sekiranya semboyan dihantar kepada beliau di Maktab Polis DiRaja Malaysia ia akan mengambil masa untuk semboyan itu sampai kepada beliau kecuali nama kursus beliau dicatit di dalam kurungan selepas perkataan 'Maktab PDRM'.

[28] Selepas mendengar penjelasan yang diberikan oleh Cif Insp Sekaran mahkamah berpuashati bahawa sapina memang tidak boleh diserahkan secara semboyan kerana semboyan adalah hanya satu proses untuk menghantar memo kepada seseorang saksi polis untuk meminta atau mengingati saksi polis itu hadir di mahkamah pada tarikh yang dinyatakan di dalam semboyan untuk perbicaraan kes berkenaan yang dinyatakan dalam semboyan itu.

[29] Pada 1 September 2009 apabila kes ini disambung bicara, Dato' Razali bin Che Ani, TPR yang bijaksana, telah memanggil seorang lagi saksi iaitu pegawai penyiasat, ASP Mohd Ashari bin Hj Baidawi, SP6 untuk memberi keterangan.

[30] Pada 13 April 2009 ketika SP5 memberi keterangan Cif Insp Sekaran ada hadir di mahkamah dan telah dipanggil oleh TPR yang bijaksana untuk dicamkan oleh SP5. Dan kes ini ditangguhkan ke 1–3 September 2009 untuk disambung perbicaraan. Tetapi pada 1 September 2009 Cif Insp Sekaran tidak hadir untuk memberi keterangan. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Lebih-lebih lagi beliau ialah ketua pasukan serang hendap dalam kes ini.

[31] Sekiranya pendakwa raya berpendapat bahawa terdapat terlalu banyak kes yang didakwa dan pihak polis tidak mempunyai anggota yang mencukupi untuk membolehkan saksi-saksi polis menghadir di mahkamah untuk memberi keterangan di dalam sesuatu perbicaraan atau seseorang anggota polis memang tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk hadir di mahkamah untuk memberi keterangan semasa perbicaraan diteruskan di mahkamah, maka pendakwa raya boleh memikirkan langkah-langkah yang lain untuk diambil untuk mengatasi masalah itu misalnya memperkenalkan sistem 'plea bargaining' sepertimana yang telah diperkenalkan dan diamalkan di Amerika Syarikat di mana dalam kes-kes yang tertentu tawaran hukuman dibuat kepada tertuduh-tertuduh untuk mengaku salah dan diterima oleh tertuduh-tertuduh dan kes-kes mereka dilupuskan dengan sabitan dan

hukuman oleh mahkamah tanpa perlunya untuk perbicaraan diadakan. Ini akan mempercepatkan pentadbiran keadilan jenayah di negara ini dan dengan sekaligus menambahkan pelupusan kes-kes jenayah di mahkamah-mahkamah di negara ini.

[32] Selepas memanggil SP6, Dato' Razali bin Che Ani, TPR yang bijaksana, telah memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak ada lagi saksi-saksi untuk dipanggil pada hari itu kerana tiga sapina tidak dapat diserahkan ke atas tiga orang saksi iaitu Cif Insp Sekaran, Insp Syed Faizul Shah dan Encik Ong Eng Lee.

[33] Mahkamah memperhatikan bahawa ini adalah kali kedua Cif Insp Sekaran tidak disampaikan sapina untuk hadir di mahkamah untuk memberi keterangan. Beliau ialah ketua pasukan serbuan. Pada pendapat mahkamah pihak pendakwaan tidak mengambil serius tanggungjawabnya untuk mendakwa tertuduh dengan cepat supaya perbicaraan kes ini boleh diselesaikan dengan cepat oleh mahkamah.

[34] Mahkamah telah mengarahkan supaya TPR yang bijaksana mengemukakan diari siasatan ('ID') bagi memuaskan hati mahkamah bahawa langkah-langkah yang munasabah telah diambil oleh pihak polis untuk menyerahkan ketiga-tiga sapina itu. TPR yang bijakana telah memanggil pegawai penyiasat pengganti untuk memberi penjelasan kepada mahkamah. Akan tetapi pegawai penyiasat ganti, Insp Suziana bt Zamli, tidak membawa ID kerana tidak menyediakannya untuk tiga orang anggota tersebut yang tidak diserahkan sapina. Beliau memberitahu mahkamah bahawa beliau telah diarahkan oleh pegawai atasannya iaitu Ketua Bahagian Narkotik Daerah, IPD, Klang, untuk menyerahkan sapina kepada ketiga-tiga saksi tersebut. Namun demikian beliau tidak mematuhi arahan itu. Sebaliknya beliau hanya membuat panggilan telefon kepada Cif Insp Sekaran pada pagi itu tetapi tidak dapat menghubungi saksi tersebut. Hanya pada petang itu beliau hendak pergi ke Maktab Pegawai Kanan Cheras di mana Cif Insp Sekaran sedang berkursus untuk menyerahkan sapina ke atasnya dan juga kepada Insp Faizul Shah.

[35] Apabila ditanya oleh mahkamah mengapa tidak menyerahkan sapina-sapina itu sebelum tarikh perbicaraan pada hari itu pegawai penyiasat ganti tersebut telah memberitahu mahkamah bahawa dengan menghantar semboyan pada 26 Ogos 2009 kepada semua penama iaitu 23 orang saksi termasuk tiga orang saksi itu sudah cukup kuat. Beliau mengakui telah tidak melakukan sepertimana diarahkan oleh pegawai atasan beliau dan telah sendiri memilih untuk menghantar semboyan sahaja. Dalam semboyan yang beliau hantar beliau mengatakan sapina akan diserahkan semasa perbicaraan.

A **[36]** Memandangkan bahawa pihak pendakwaan tidak memohon untuk penangguhan dengan memberikan sebab-sebab yang munasabah untuk membolehkan mahkamah menggunakan budi bicara yang terletak pada mahkamah maka berdasarkan kepada keterangan yang diberi oleh saksi-saksi setakat itu mahkamah telah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah **B** gagal menunjukkan satu kes prima facie terhadap tertuduh sepertimana pertuduhan, P2, terhadap tertuduh.

[37] Dalam kes ini pihak pendakwaan telah memanggil seramai enam orang saksi iaitu jurugambar polis, Det Sjn Mohd Yusoff bin Harun, SP1, **C** seorang lagi jurugambar polis, Det Kpl Anif bin Md Jawawi, SP2, penjaga stor, DKpl Haris Fadilah bin Baki, SP3, seorang anggota serbuan, Sjn Mokhtar bin Abd Ghani, SP4, seorang lagi anggota serbuan, ASP Chia Aik Chin, SP5 dan pegawai penyiasat (IO), ASP Mohd Ashari bin Hj Baidawi, SP6.

D

[38] Daripada keterangan enam orang saksi tersebut hanya terdapat keterangan bahawa pada 8 Januari 2003 lebih kurang 9.45 malam SP4 dan SP5 telah menyertai satu serang hendap yang diketuai oleh Cif Insp Sekaran di apartmen di Bukit Kuda Court.

E

[39] SP5 ditugaskan oleh Cif Insp Sekaran untuk membuat pengawasan di tempat letak kereta kerana telah mendapat maklumat pengedaran dadah ganja oleh satu lelaki Melayu yang menggunakan sebuah kereta jenis Proton Satria No Pendaftaran WHX 7744 yang tinggal di apartmen tersebut.

F

[40] Setelah lebih kurang 45 minit membuat serang hendap SP5 telah nampak sebuah kereta Proton Satria warna merah nombor pendaftaran WHX 7744 masuk ke apartmen berkenaan.

G

[41] Kemudiannya SP5 nampak tertuduh telah turun dari kereta tersebut dan terus berjalan naik menuju ke arah apartmen. SP5 telah menghubungi Cif Insp Sekaran yang membuat pemerhatian di dalam kawasan apartmen dan memberitahunya tentang perkara ini melalui *walkie talkie*.

H

[42] Manakala SP4 bertugas sebagai pemerhati di dalam bangunan tersebut. Selepas pemerhatian dibuat selama 40 minit SP4 telah nampak Cif Insp Sekaran menahan tertuduh di dalam bangunan tersebut berhampiran rumah G-5. SP4 dan anggota-anggota lain yang juga membuat pemerhatian **I** telah terus meluru dan membantu Cif Insp Sekaran. Telah berlaku pergelutan dengan tertuduh dan mereka dapat menahan tertuduh.

[43] Manakala SP5 yang masih berada di tempat letak kereta telah mendengar jeritan dari Cif Insp Sekaran di bahagian atas di dalam apartmen.

[44] SP5 terus berlari ke situ untuk memberi bantuan. Apabila sampai di hadapan rumah No G-5, SP5 nampak Cif Insp Sekaran telah menahan tertuduh bersama-sama dengan SP4 dan tiga orang anggota serbuan yang lain iaitu DKpl Mohd Sidek, DKpl Govindasamy dan DLKpl Razali di hadapan rumah tersebut.

[45] Kemudiannya Cif Insp Sekaran telah membuka pintu gril dan pintu kayu rumah tersebut dengan menggunakan kunci yang dirampas dari tertuduh dan membawa tertuduh masuk ke dalam rumah tersebut. Apartmen itu ada dua buah bilik. Pintu kedua-dua bilik tidak berkunci.

[46] Menurut SP5, di dalam rumah tersebut Cif Insp Sekaran telah mengambil satu kotak yang berisi tiga ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja yang dibaluti dengan kertas timah dari di bawah katil di dalam satu bilik yang tidak berkunci setelah ditunjukkan oleh tertuduh. Selepas itu Cif Insp Sekaran mengambil satu lagi beg di bawah katil. Beg itu mengandungi lapan ketulan mampat daun-daun kering disyaki ganja yang dibaluti dengan plastik lutsinar dan kertas timah. Walau bagaimanapun tidak ada barang-barang peribadi tertuduh dijumpai di dalam bilik itu.

[47] Seterusnya Cif Insp Sekaran telah membuat pemeriksaan di satu bilik yang lain dan telah menjumpai satu *tenancy agreement* bersama-sama dokumen-dokumen yang lain di atas nama tertuduh iaitu *pay-in-slip* dan *bank-in-slip*.

[48] Cif Insp Sekaran telah membuat pemeriksaan di tempat-tempat yang lain tetapi tidak menjumpai barang-barang salah yang lain.

[49] Seterusnya rampasan telah dibawa balik ke balai oleh Cif Insp Sekaran untuk tindakan selanjutnya.

[50] Menurut keterangan pegawai penyiasat, SP6, pada 9 Januari 2003, jam 1.40 pagi, Cif Insp Sekaran telah menyerahkan tertuduh serta barang-barang rampasan kepada beliau. Barang-barang itu ialah satu rangkai dua batang anak kunci, satu mangga jenis Secure Arcu, satu kotak jenama Petite Fleur bersama-sama tiga ketulan mampat daun kering berbalut kertas timah, satu beg plastik warna oren jenama 'Makro' dan di dalamnya terdapat lapan ketulan mampat daun kering dibalut plastik lutsinar dan kertas timah, satu *tenancy agreement*, satu resit rasmi, lima slip pembayaran Mayban Finance dan tiga slip Amanah Saham Nasional. SP6 telah menyimpan barang-barang itu di dalam kabinet besi berkuncinya dan tidak ada orang yang ada akses kepada kabinet itu kecuali beliau.

[51] Pada keesokan hari, SP6 telah mengarahkan jurugambar, SP2 untuk mengambil gambar barang-barang kes.

[52] Pada 14 Januari 2003, jam 2.40 petang, selepas gambar barang-barang kes P5 (1–4), diambil, SP6 telah menghantar barang-barang kes ke makmal forensik di Maktab Pegawai Kanan Cheras untuk pengesanan cap jari tertuduh ke atas barang kes. Di sana beliau telah menyerahkan barang-barang kes kepada Insp Faizul Shah bin Sheikh Hussein Shah.

[53] Beliau tidak ingat tarikh bila beliau menerima balik barang-barang kes itu daripada Insp Faizul Shah bin Sheikh Hussein Shah.

[54] Selepas itu beliau telah menghantar barang-barang kes itu ke makmal Jabatan Kimia, Petaling Jaya untuk dianalisa.

[55] Beliau tidak membuat sebarang penandaan sebelum barang-barang kes diserahkan kepada ahli kimia. Namun demikian beliau boleh cam barang-barang kes itu kerana terdapat penandaan yang dibuat oleh Cif Insp Sekaran.

[56] Pada 10 Januari 2004 jam 2 petang beliau telah melawat tempat kejadian di apartmen tersebut bersama-sama dengan Cif Insp Sekaran dan dua orang jurugambar iaitu SP1 dan SP2. Beliau telah mengarahkan SP1 untuk mengambil lapan keping gambar, P4 (1–8) di apartmen tersebut.

[57] SP6 nampak satu almari solek, satu tilam di atas lantai dan pakaian lelaki di tepi dinding dan di atas lantai di bilik di mana kotak bersama tiga ketulan mampat dan beg plastik bersama lapan ketulan mampat yang dikatakan oleh SP5 dijumpai oleh Cif Insp Sekaran di bawah satu katil bujang.

[58] Semasa di soal balas oleh Encik Rusli Zain, peguambela yang bijaksana, SP6 tidak bersetuju dengan cadangan pembelaan bahawa terdapat gambar dan pakaian seorang perempuan di dalam bilik yang satu lagi. Walau bagaimanapun beliau bersetuju terdapat tilam *king size* dan bantal di dalam bilik itu. Beliau tidak ingat dan juga tidak ada dicatit di dalam diari siasatannya sama ada terdapat peralatan memasak di dalam dapur seperti cerek, dapur, gas, pinggan mangkuk, gelas dan cawan.

[59] Daripada siasatan beliau, beliau dapati tuan punya apartmen itu ialah seorang yang bernama Encik Ong Eng Lee. Beliau ada bertemu dengan Encik Ong Eng Lee.

[60] Daripada keterangan enam orang saksi yang dipanggil oleh pihak pendakwaan sepertimana dinyatakan di atas adalah jelas bahawa terdapat putus dalam rantaian keterangan mengenai barang-barang kes rampasan kerana tidak ada penandaan yang dibuat oleh pegawai penyiasat.

[61] Tambahannya, ketua pasukan serbuan yang telah menahan tertuduh dan merampas barang-barang kes tidak dipanggil sebagai saksi untuk mengecam barang-barang kes tersebut. Ahli kimia tidak dipanggil dan laporan kimia tidak diserahkan kepada tertuduh sepuluh hari sebelum perbicaraan bermula sepertimana diperuntukkan dalam s 399 Kanun Prosedur Jenayah. Oleh itu tidak ada keterangan bahawa barang-barang kes itu ialah cannabis seberat 8079g sepertimana ditakrifkan di dalam s 2 ADB. Insp Syed Faizul tidak dipanggil dan laporan beliau juga tidak dikemukakan. Oleh itu tidak ada keterangan sama ada terdapat kesan cap jari tertuduh atau orang yang lain di atas barang-barang kes itu dan juga terdapat putus dalam rantaian keterangan mengenai barang-barang kes tersebut

[62] Juga tidak dibuktikan bahawa tertuduh adalah penyewa rumah tersebut kerana tuan punya rumah tersebut Encik Ong Eng Lee tidak dipanggil untuk memberi keterangan atas isu itu.

[63] Maka mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa tertuduh ada kustodi, jagaan dan kawalan ke atas barang-barang kes yang dikatakan dadah berbahaya sejumlah berat 8079g *cannabis* sepertimana ditakrifkan dalam s 2 ADB yang dikatakan dijumpai oleh Cif Insp Sekaran di dalam satu kotak dan satu beg di bawah katil di dalam sebuah bilik yang tidak berkunci di dalam apartmen tersebut dan di mana dikatakan tidak ada barang-barang peribadi tertuduh dijumpai di dalam bilik itu atau bahawa tertuduh telah memperedarkan dadah tersebut pada tarikh dan waktu dan di tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan, P2.

[64] Oleh itu mahkamah telah memerintahkan supaya tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.

[65] Pada pendapat mahkamah adalah tidak betul untuk pendakwa raya menyatakan dalam notis rayuan tersebut bertarikh 9 September 2009 bahawa kes pihak pendakwaan sedang berjalan. Sebabnya ialah bagaimana kes pihak pendakwaan boleh berjalan sedangkan pihak pendakwaan tidak bersedia dengan saksi-saksi yang hendak dipanggil untuk menunjukkan satu kes prima facie terhadap tertuduh. Adalah tugas dan tanggungjawab pihak pendakwaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan sepatutnya untuk mencapai tujuannya iaitu mendakwa sehingga selesai tertuduh dalam kes ini dengan memanggil semua saksi-saksi yang difikirkan penting untuk menceritakan kes

pihak pendakwaan terhadap tertuduh untuk menunjukkan satu kes prima facie terhadap tertuduh sepertimana pertuduhan, P2.

[66] Mahkamah telah menetapkan kes itu untuk disambung perbicaraan pada hari itu.

[67] Dalam Kanun Prosedur Jenayah terdapat peruntukan-peruntukan yang mencukupi untuk pihak pendakwaan menggunakan termasuk menyerahkan sapina kepada saksi-saksi yang hendak dipanggil untuk memastikan kehadiran mereka.

[68] Dalam kes ini ketiga-tiga saksi berkenaan ialah saksi polis. Tidak ada sebab yang munasabah yang dikemukakan kepada mahkamah mengapa mereka tidak boleh diserahkan dengan sapina.

[69] Mahkamah ditugaskan dan diamanahkan untuk mentadbir keadilan dengan membicarakan kes-kes tersebut dan melupuskan kes-kes dengan secepat mungkin dan apabila sesuatu kes itu telah ditetapkan untuk dibicarakan kecuali terdapat permohonan untuk penangguhan yang telah dibenarkan oleh mahkamah, pihak pendakwaan hendaklah menjalankan pendakwaan kes itu sehingga selesai.

[70] Dalam kes *PR lwn Tan Boon Hoe & seorang lagi* No 45–151 Tahun 2005, dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, (tidak dilaporkan), mahkamah ini telah memutuskan bahawa s 259 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ') memperuntukkan dengan jelas bahawa mahkamah mempunyai kuasa budi bicara sama ada untuk menangguhkan perbicaraan ke tarikh yang lain sekiranya mahkamah tidak berpuashati bahawa daripada ketiadaan seseorang saksi atau alasan yang munasabah telah menjadi perlu untuk menangguhkan perbicaraan maka mahkamah boleh dengan perintah secara bertulis menangguhkan perbicaraan dari masa ke semasa tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan sesuai untuk satu tempoh yang mahkamah fikir adalah munasabah dan mahkamah boleh mereman tertuduh dalam kustodi dengan mengeluarkan waran terhadapnya. Memandangkan kuasa itu ialah satu kuasa budi bicara maka ia perlu digunakan secara menurut prinsip-prinsip kehakiman.

[71] Dalam kes ini mahkamah memilih untuk melepaskan dan membebaskan tertuduh dan tidak memilih untuk melepaskan tertuduh tanpa membebaskan tertuduh kerana itu tidak adil kepada tertuduh memandangkan pihak pendakwaan boleh dan kebiasaannya akan menangkap semula tertuduh untuk dituduh semula dan apabila tindakan ini diambil oleh pihak pendakwaan, saksi-saksi yang telah selesai memberi keterangan akan

dipanggil semula untuk memberi keterangan semula terhadap tertuduh dan tempoh tahanan tertuduh di dalam reman dilanjutkan.

[72] Ini akan menimbulkan implikasi yang tidak baik kepada pentadbiran keadilan jenayah oleh mahkamah kerana terdapat kes-kes di mana tertuduh berkenaan telah dilepaskan dan dibebaskan selepas perbicaraan selesai dan mengakibatkan tertuduh berkenaan tidak boleh mendapat apa-apa remedi walaupun telah ditahan dalam reman untuk satu tempoh yang lama. Selain daripada itu juga apabila tertuduh ditangkap dan dituduh semula kerana telah dilepaskan tanpa dibebaskan sebelum itu sekiranya terdapat percanggahan di antara keterangan yang telah diberi oleh saksi-saksi dalam perbicaraan yang terdahulu dan dalam perbicaraan semula itu ia boleh dan akan mendedahkan saksi-saksi itu kepada prosiding mencabar kredibiliti saksi itu tanpa sebarang salah laku saksi-saksi itu.

[73] Sekiranya pihak pembelaan berjaya dalam usahanya untuk mencabar kredibiliti saksi itu yang juga merupakan saksi yang terpenting bagi pihak pendakwaan maka keterangannya akan dibatalkan daripada rekod mahkamah dan sekaligus tidak boleh diguna pakai oleh pihak pendakwaan dan ini akan mengakibatkan tertuduh dilepaskan dan dibebaskan atas sebab keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah tidak mencukupi untuk menunjukkan satu kes prima facie.

[74] Ini akan mengakibatkan pembaziran masa mahkamah dan kos umum dan mendatangkan ketidakadilan kepada tertuduh.

[75] Oleh itu pada pendapat mahkamah ini adalah lebih adil untuk mahkamah ini melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada melepaskan tertuduh tanpa membebaskan tertuduh.

[76] Sekiranya semasa pendengaran notis rayuan yang difailkan oleh pendakwa raya, Mahkamah Rayuan berpendapat dan memutuskan perintah tersebut tidak wajar dibuat maka Mahkamah Rayuan boleh membenarkan rayuan pendakwa raya dan mengenepikan perintah tersebut dan Mahkamah Rayuan boleh memerintahkan supaya perbicaraan terhadap tertuduh disambung dengan memanggil saksi-saksi yang lain.

[77] Mahkamah ini terpaksa mengambil langkah ini kerana mahkamah mendapati dalam beberapa kes pihak polis tidak menjalankan tanggungjawabnya untuk menyerahkan sapina kepada saksi-saksi terutamanya saksi-saksi polis dan ini telah menjejaskan penyelesaian kes-kes oleh mahkamah dengan cepat dan telah menambahkan kepada masalah kes-kes tertunggak tanpa kesudahan kerana TPR yang bijaksana tidak dapat memanggil saksi-saksi berkenaan pada tarikh-tarikh sesuatu kes itu

dijadualkan untuk dibicarakan. Oleh itu pegawai atasan anggota polis berkenaan dalam kes ini hendaklah mengambil tindakan yang tegas ke atas anggota polis berkenaan untuk memastikan perkara yang serupa tidak berulang di masa hadapan dan supaya mahkamah dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mahkamah untuk mentadbir keadilan dengan cepat dan adil dan mahkamah tidak dibebankan dengan banyak kes separuh bicara sedangkan sebab utama perbicaraan kes-kes itu tidak dapat disempurnakan dengan cepat ialah kerana saksi-saksi terutamanya saksi polis tidak dipanggil untuk memberi keterangan pada tarikh kes-kes itu telah dijadualkan untuk dibicarakan.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum